

Alam Wanita

Soal berbilang Isteri dalam Islam

(8)

Masalah isteri nusyuz (ingkar), yang kadang-kadang ((digantung tidak bertali)), masalah beristeri lebih dari satu atau ((poligami)), dan masalah talak, selalu menjadi perbincangan masyarakat.

Masalah-masalah ini telah dihuraikan oleh Dr Ali Abdul Wahid Wafi, Mesir, dalam bukunya:

“Bayt al-Ṭā‘at wa Ta‘addud al-Zawjāt wa al-Ṭalāq fī al-Islām”

Huraiannya yang berharga ini kita siarkan di sini dengan harapan menjadi penerangan yang berguna tentang kedudukan masalah-masalah itu yang sebenarnya.

Dalam bilangan-bilangan yang lalu, telah dihuraikan satu persatu tentang masalah yang pertama (soal isteri nusyuz), dan mulai siaran yang ke 4 dan seterusnya, pengarangnya, menghuraikan pula masalah yang kedua - soal berbilang isteri dalam Islam.

(Diterjemahkan oleh: Abdullah Basmeh)

Faḍīlah al-Shaykh Mahmud Shaltut, Shaykh al-Azhar, dalam bukunya ((*Al-Islām ‘Aqīdah wa Sharī‘ah*)), telah menyentuh pendapat golongan yang mengatakan bahawa perbuatan berbilang isteri dalam Islam tidak harus melainkan kerana darurat. Beliau telah menolak pendapat golongan yang tersebut dengan keterangan yang membungkam dan fitnah, katanya:

“Dan setakat ini nyatalah dengan jelasnya, bahawa perkataan dan perbuatan itu adalah menjadi dalil semenjak hukum syarak diperundang-undangkan, bahawa perbuatan berbilang isteri adalah harus selagi seseorang mukmin tidak takut (bahawa perbuatan itu) menganiaya isteri-isterinya.

Kalau ia takut terdorong melakukan aniaya, maka wajiblah atasnya, untuk menyelamatkan dirinya daripada dosa perkara yang ditakuti itu, supaya ia berpada dengan seorang isteri sahaja. Dan telah nyata juga bahawa harusnya berbilang isteri tidak bergantung kepada sesuatu selain daripada keadilan, dan ketiadaan takut daripada terdorong melakukan aniaya. Perkara berbilang isteri tidak bersangkut paut dengan keadaan isteri mandul, atau sakitnya dengan penyakit yang menegah si suami daripada memelihara dirinya (daripada angkara zina disebabkan isterinya yang uzur itu – P.), dan tidak pula kerana banyaknya

jumlah kaum perempuan yang menyebabkan tidak dapat menjaga kehormatan mereka (kerana terbiar disebabkan kaum lelaki jauh kecil jumlahnya daripada mereka). Benar, adalah disyaratkan pada isteri yang kedua apa yang disyaratkan pada isteri yang pertama, iaitu kesanggupan menyediakan mas kahwin dan nafkah.”

“Demikianlah, ayat yang tersebut telah meletakkan dasar berbilang isteri pada tempat yang asal, pada jalan menyelamatkan diri daripada ketiadaan berlaku adil terhadap anak-anak yatim perempuan, kemudian disebutkan hendaklah berpada dengan seorang isteri apabila timbul kebimbangan daripada ketiadaan berlaku adil di antara isteri-isteri. Dari sini dapatlah kita berkata: Bahawa perkara yang asal pada seorang mukmin itu ialah keadilan, dan dengannya menjadilah perkara yang asal (dalam soal ini) ialah harusnya berbilang-bilang isteri itu, dan bahawa perbuatan aniaya itu pula adalah mendatang kepada seorang mukmin lalu timbul perasaan takut terhadapnya, dan dengan adanya rasa takut daripada melakukan aniaya: mewajibkan dia berpada dengan seorang isteri.”

“Akan bertemulah pula dengan alasan ini ialah apa yang ditetapkan oleh penyelidik-penyelidik tentang sebab musabab timbulnya perbuatan berbilang-bilang isteri itu sebagaimana yang telah disebutkan dahulu, dan bahawa sebab musabab itu pada kesimpulan dan huraiannya menetapkan berlakunya perbuatan berbilang-bilang isteri itu, baik dengan memandang kepada hajat tuntutan lelaki atau pun hajat tuntutan perempuan.”

“Kalaulah perkara itu *'aksa* (sebalik) ketetapan ini, tentulah cara susunan kata-kata yang terkandung di dalam ayat itu demikian bunyinya: Dan jika kamu takut, bahawa kamu tidak akan dapat berlaku adil dalam perkahwinan dengan anak-anak yatim perempuan, maka berkahwinlah kamu akan

seorang yang lain daripada mereka, tetapi jika isteri kamu (yang seorang itu) mandul atau sakit dan terpaksa kamu berkahwin dengan yang lain, maka berkahwinlah kamu dengan dua, dan tiga, dan empat, dan tentulah dengan cara itu akan luput tujuan yang telah mengikat hukum syarak mengenai perbuatan berbilang isteri, yang bertujuan melapangkan dan memudahkan mereka untuk meninggalkan anak yatim perempuan ketika mereka berasa takut bahawa mereka tidak akan dapat berlaku adil kepada anak-anak yatim yang tersebut, dan tentulah cara susunan kata-kata di dalam ayat itu menurut segi yang dikatakannya ini ialah cara susunan kata-kata yang lazimnya al-Qur'an menggunakannya pada mengharuskan perkara yang haram apakala ada sesuatu darurat yang mendatang. Yang demikian itu sebagaimana yang kita dapati misalnya dalam firman Allah Ta'ālā: *"Hurrimat 'alaykumu al-maytatu wa al-damu wa lahmu al-khinzīri..."* (Ertinya: diharamkan kepada kamu makan bangkai dan darah dan daging babi...), hingga ke akhir ayat itu yang berbunyi: *"Famaniḍturra fī mahmaṣatin ḡhayra mutajānifin li ithmin fa inna allāha ḡhafūrun raḥīm."* (Ertinya: Tetapi barang siapa terpaksa dalam masa kelaparan, sedang ia tidak sengaja hendak melakukan dosa, maka sesungguhnya Allah Amat Pengampun lagi Amat Mengasihani), dan tentulah ayat yang tersebut dengan cara ini akan menjadi dalil bahawa dasar yang menetapkan beristeri satu itulah dasar yang asal, dan bahawa harusnya berbilang isteri itu tidak boleh dilakukan melainkan ketika darurat. Tetapi tidak ada sesuatu pun daripada apa yang dikatakan itu yang terjadi, kerana cara susunan kata-kata yang terkandung di dalam ayat itu, sebagaimana yang tuan lihat, meletakkan dasar berbilang isteri dari awalnya sebagai jalan penyelamat daripada kesukaran dalam perkara anak-anak yatim perempuan, kemudian

digantungkan dasar beristeri satu kepada adanya keadaan
bimbang tidak dapat berlaku adil.”

“Tidak ada dalil dalam ayat itu yang menunjukkan
bahawa yang dituntut pada asalnya ialah dasar berbilang isteri
atau beristeri satu. Ini ialah jika kita tidak
mengatakan bahawa perkara yang asal dan yang dituntut itu
ialah dasar berbilang isteri, untuk menyahut perkara-perkara
yang mendesak yang telah sebatini menjadi tabiat lelaki dan
masyarakat umat manusia, dan yang telah menetapkan berlakunya
kejadian berbilang isteri pada zaman purba dan zaman
ini.”

“Selain daripada itu, kalaulah hukum berbilang
isteri terikat dengan sesuatu ikatan daripada apa yang
mereka sebutkan selain daripada rasa takut tidak
akan dapat berlaku adil, sedang masalah itu pula
bergantung kepada perkara yang diperlukan oleh masyarakat
manusia, dan berkehendak kepada penjelasan syaratnya dan
keterangannya, tentulah ikatan itu tidak diabaikan daripada
menyatakannya di dalam punca-punca hukum syarak yang pertama, yang
asal, dan tentulah Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersama-sama
dengan orang-orang yang telah memeluk Islam, yang masing-masingnya
beristeri lebih daripada empat orang, mempunyai kedudukan
yang lain, selain daripada memilih untuk menahan empat
isteri dan menceraikan yang selebihnya, dan tentulah
Nabi akan menyatakan kepada mereka – sedang masa itu masa
turunnya dan terbentuknya hukum-hukum syarak – bahawa hak
menahan (mengekal) empat isteri atau jumlah isteri
yang lebih daripada satu disyaratkan dengan sebab isteri
itu mandul atau sakit, atau kesanggupan untuk
memelihara anak-anak yang akan dilahirkan oleh isteri-isterinya
yang berbilang itu, dan (akan disyaratkan) atasnya memberi
nafkah kepada orang-orang yang wajib diberi nafkah dari sekalian

kaum kerabatnya. Tetapi tidak ada sesuatu pun syarat-syarat
yang tersebut yang pernah diadakan oleh Islam, maka ini
menunjukkan bahawa perbuatan berbilang isteri bukannya
satu perkara yang hanya boleh dilakukan apabila ada darurat.
Tidak juga ia daripada perkara yang bergantung harusnya
kepada sesuatu yang lain daripada kesanggupan berlaku
adil di antara isteri-isteri dalam perkara-perkara yang sanggup
manusia melakukannya seperti memberi nafkah, tempat tinggal
dan pakaian.”

(*Al-Islām ‘Aqidah wa Sharī‘ah*, muka 175-177,
oleh *Faḍīlah al-Shaykh Mahmod Shaltut*, Shaykh al-Azhar).

- bersambung

Sudah terbit!

Bacalah!

Buku-buku Syuhada

Disusun oleh:

Edrus

- | | |
|-------------------------------------|--------|
| 1. Hamzah ibn Abdul Muttalib | 50 sen |
| 2. Nusaybah – Pahlawan Wanita Islam | 50 “ |
| 3. ‘Ikrimah ibn Abū Jahal | 50 ” |
| 4. Sa ‘ad ibn Rabi’ | 50 “ |
| 5. Sa‘ad ibn Mu ‘ādh | 50 “ |
| 6. Nu‘mān ibn Muqrin | 50 “ |
| 7. Ja‘far ibn Abī Ṭalib | 50 “ |
| 8. Anak ‘Abdullah ibn Ubayy | 50 “ |
| 9. Anak Angkat Rasulullah | 50 “ |
| 10. Abū Ḥudhayfah ibn ‘Utbah | 50 “ |

di-terbitkan oleh:

QALAM

356/ 358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.
